

31/03/1997

Perwaja diswasta April

GURUN, Ahad - Rundingan mengenai penswastaan Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja Steel) di antara Maju Holdings Sdn Bhd (Maju) dan kerajaan kini dalam peringkat akhir, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kerajaan memerlukan sedikit masa untuk memperincikan program itu sebelum membuat sebarang keputusan bagi memastikan ia menguntungkan semua pihak yang terbabit.

"Kerajaan harus mengambil pendekatan sederhana kerana jika kita terlalu berkeras, Maju Holdings mungkin tidak dapat memajukan Perwaja, tetapi jika berlembut Kementerian Kewangan akan mengalami kerugian," katanya.

Beliau berkata demikian dalam pertemuan dengan pekerja Perwaja Steel sempena lawatannya ke Kompleks Perwaja Steel Gurun, di sini, hari ini.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Perwaja Steel, Abu Talib Mohamed, ketika ditemui selepas itu berkata, rundingan mengenai penswastaan itu dijangka selesai bulan depan.

Menurutnya, rundingan berhubung struktur ekuiti dan konsep penswastaan bagi pemulihan syarikat besi keluli itu kini dalam proses perincian terakhir di peringkat Kabinet.

Ditanya sama ada perundingan terakhir itu membabitkan perubahan struktur ekuiti dalam program pemulihan berkenaan, Abu Talib berkata, Maju tidak tahu mengenainya.

"Sehingga kini, Kabinet masih belum membuat keputusan akhir membabitkan perubahan struktur pemulihan berkenaan. Ada empat atau lima perkara kecil yang masih belum diselesaikan.

"Bagaimanapun, Maju dijangka mengeluarkan sejumlah besar wang membabitkan pelaburan berpuluh juta ringgit," katanya ketika ditemui selepas mengiringi Anwar melawat kompleks berkenaan.

Maju Holdings yang menerajui usaha menyelamatkan Perwaja Steel menerusi anak syarikatnya, Equal Concept, dilantik menjadi syarikat pengurusan Perwaja sejak Jun 1996, selepas ia mengalami masalah kewangan serius dengan kerugian terkumpul RM2.9 bilion.

Kontrak itu dilanjutkan Disember lalu sehingga Jun 1997 bagi membolehkan Kabinet dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengadakan perincian terakhir mengenai pegangan ekuiti dan cara terbaik menyelamatkan Perwaja.

Mengikut perancangan terdahulu, Maju diberikan 51 peratus ekuiti, Kerajaan Pusat 30 peratus dan bakinya dipegang Kerajaan Negeri Terengganu.

Abu Talib berkata, Maju tidak mempunyai sebarang masalah untuk menerima sebarang keputusan mutlak kerajaan berhubung pegangan ekuitinya dalam program pemulihan terbabit.

Ditanya bagaimana Maju akan menjanakan kewangan untuk membiayai ekuiti yang diperuntukkan kepadanya, Abu Talib yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Maju berkata, 20 hingga 30 peratus daripadanya akan dijana daripada sumber kewangan dalaman, manakala bakinya akan dipinjam daripada institusi kewangan tempatan dan luar pantai.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, tawaran masih terbuka kepada syarikat lain yang berminat untuk mendapatkan pegangan dalam proses menyelamatkan Perwaja.

Di samping itu, kerajaan juga berjanji untuk menyerap semua hutang terkumpul Perwaja bagi membolehkan syarikat yang mengambil alih nanti beroperasi dengan cekap.

Ketika ditanya mengenai syarikat lain yang berminat, Abu Talib berkata Maju tidak mempunyai masalah menerimanya kerana syarikat yang berminat itu

mempunyai hasrat memajukan Perwaja.

Katanya, Perwaja tiada sebab untuk menghadapi masalah kerana ia berada dalam landasan perdagangan yang tepat kerana industri itu menjanjikan keuntungan besar asalkan ia diurus dengan cara betul, di samping meningkatkan moral pekerja.

"Pencapaian Perwaja sejak diambil alih pengurusan baru amat memberangsangkan dengan pengeluaran bilet meningkat daripada 63,000 tan sebulan kepada 92,000 tan sekarang.

"Selain itu, kos jualan (kos pengeluaran tidak termasuk faedah dan pentadbiran) berkurang daripada RM1.2 bilion pada tahun berakhir Mac 1996 kepada RM910 pada tahun kewangan berakhir Mac 1997.

"Kerugian terkumpul pula dikurangkan daripada RM377 pada tahun kewangan berakhir Mac 1996 kepada RM47 juta pada tahun kewangan berakhir Mac tahun ini dan barangan rosak yang dipulangkan pula dikurangkan daripada 15 peratus kepada 0.2 peratus sahaja," katanya.

Abu Talib berkata, sebenarnya banyak faktor yang menyumbang kepada pengurangan kerugian itu, termasuk aspek kecekapan pengurusan keseluruhan dan latihan bagi meningkatkan moral kakitangan membuatkan mereka kerja lebih kuat dan ini mengurangkan kos.

(END)